



Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang  
Penang Development Corporation

Forging  
**Ahead**

ANNUAL  
REPORT  
**2017**  
LAPORAN  
TAHUNAN

# KANDUNGAN

|                      |    |
|----------------------|----|
| Visi & Misi          | 02 |
| Ahli-Ahli Lembaga    | 03 |
| Ahli-Ahli Pengurusan | 06 |
| Perutusan Pengerusi  | 07 |

## LAPORAN-LAPORAN

|                                  |    |
|----------------------------------|----|
| Pembangunan dan Pengurusan Tanah | 27 |
| Pelaburan                        | 35 |
| Pembangunan Usahawan             | 41 |
| Korporat                         | 46 |
| Penyata Kewangan                 | 71 |

# CONTENTS

|                             |    |
|-----------------------------|----|
| <i>Vision &amp; Mission</i> | 02 |
| <i>Members of the Board</i> | 03 |
| <i>Management Team</i>      | 06 |
| <i>Chairman's Message</i>   | 17 |

## REPORTS

|                                        |    |
|----------------------------------------|----|
| <i>Land Development and Management</i> | 51 |
| <i>Investment</i>                      | 58 |
| <i>Entrepreneur Development</i>        | 63 |
| <i>Corporate</i>                       | 67 |
| <i>Financial Statements</i>            | 71 |


## VISION

*To be the premier organisation in making Penang a better place for all through sustainable socio-economic development*

---

Untuk menjadi organisasi utama ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang lebih kondusif melalui pembangunan sosioekonomi lestari

# VISI



# MISI

Untuk memenuhi keperluan dan aspirasi pihak yang berkepentingan dalam pembangunan negeri

---

## MISSION

*To meet our stakeholders' needs and aspirations in the State's development*

# AHLI-AHLI LEMBAGA

*MEMBERS OF  
THE BOARD*





**YAB Tuan Lim Guan Eng**  
Pengerusi / *Chairman*



**YB Dato' Haji Mohd. Rashid bin Hasnon**  
Ahli / *Member*



**YB Tuan Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy**  
Ahli / *Member*



**YB Dato' Seri Farizan  
bin Darus**  
Ahli / Member



**YB Tuan Chow Kon Yeow**  
Ahli / Member



**YB Dato' Haji Abdul  
Malik bin Abul Kassim**  
Ahli / Member



**YB Dato' Sarul Bahiyah  
binti Haji Abu**  
Ahli / Member



**YB Tuan Jagdeep Singh  
Deo a/l Karpal Singh**  
Ahli / Member  
(Pelantikan mulai / Appointment from 16.3.2017)



**YBhg. Dato' Seri Lee Kah Choon**  
Ahli / Member



**Encik Tan Cheong Heng**  
Ahli / Member  
(Letak Jawatan / Resigned on 27.3.2017)



**YBhg. Dato' Haji Hadzir  
bin Md Zain**  
Ahli / Member  
(Bersara / Retired on 29.4.2017)



**Encik Khiruddin bin Said**  
Ahli / Member



**Encik Tajol Azhar bin Md Tahir**  
Ahli / Member



**YBrs. Dr. Shahrazat  
binti Haji Ahmad**  
Ahli / Member  
(Pelantikan mulai / Appointment from 15.8.2017)



AHLI-AHLI PENGURUSAN  
MANAGEMENT TEAM



**Dato' Rosli Jaafar**  
Pengurus Besar /  
General Manager



**Phan Gaik Cher**  
Timbalan Pengurus Besar 1  
Ketua Pegawai Kewangan /  
Deputy General Manager 1  
Chief Financial Officer



**Chang Wing Mow**  
Timbalan Pengurus Besar 1  
Ketua Pegawai Maklumat /  
Deputy General Manager 1  
Chief Information Officer



**Ir. Hartini Ali**  
Timbalan Pengurus Besar 1 /  
Deputy General Manager 1



**Ir. Yeoh Lean Huat**  
Timbalan Pengurus Besar 1 /  
Deputy General Manager 1



**Mohd Bazid Haji  
Abd Kahar**  
Timbalan Pengurus Besar 2 /  
Deputy General Manager 2



**Jamil Ibrahim**  
Timbalan Pengurus Besar 2 /  
Deputy General Manager 2



**Tan Yeow Song**  
Timbalan Pengurus Besar 2 /  
Deputy General Manager 2



**Jeffrey Chew Gim Eam**  
Timbalan Pengurus Besar 2 /  
Deputy General Manager 2

# PERUTUSAN PENGGERUSI

## *CHAIRMAN'S MESSAGE*





## Perutusan Pengerusi



YAB Tuan Lim Guan Eng  
Pengerusi

“ Pada tahun 2017, Pulau Pinang terus menerajui dari segi pertumbuhan ekonomi, selaras dengan hasratnya ke arah merealisasikan bandaraya yang pintar dan bertaraf antarabangsa, walaupun terdapat peningkatan persaingan dan cabaran dalam persekitaran kebangsaan dan global.”

Sepanjang tahun ini, pencapaian Pulau Pinang diterajui oleh industri, pelancongan dan perkhidmatan, di mana Kerajaan Negeri dan PDC bekerjasama rapat dengan sektor swasta dalam Perkongsian 4P - *'public sector, private sector, people and professionals'*. Perkongsian ini telah menggabungkan tenaga dan semangat Pulau Pinang di mana kecemerlangan dalam sains dan teknologi bergabung dengan seni dan kebudayaan yang mekar mengubah negeri ini menjadi hab antarabangsa dan bandaraya berdaya huni untuk rakyat.

Kejayaan Pulau Pinang sebagai negeri keusahawanan dan sosial dapat dinilai seperti berikut:-

- Dengan lebih daripada 45 tahun pengalaman dalam bidang perindustrian serta kepintaran, Kerajaan Negeri mempunyai ekosistem E&E yang kukuh terdiri daripada lebih 300 syarikat MNC dan 3,000 syarikat sokongan tempatan yang bersepadu dengan baik dengan rantai bekalan global. MIDA juga telah mengumumkan Pulau Pinang sebagai penerima Pelaburan Langsung Luar Negara (FDI) yang pertama antara negeri-negeri, dengan FDI pelaburan pembuatan bernilai RM8.5 bilion yang diluluskan pada tahun 2017. Pulau Pinang merupakan penerima kedua terbesar di Malaysia daripada jumlah pelaburan pembuatan bernilai RM10.8 bilion.

- Berbanding tahun 2016, jumlah pelaburan Pulau Pinang meningkat sebanyak 151% pada tahun 2017, manakala FDI meningkat sebanyak 180%. Laporan video BBC juga menamakan Pulau Pinang sebagai hab pembuatan perkakasan serantau dan 'Asia's next Silicon Valley'.
- Dengan tadbir urus korporat yang baik di bawah CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus), Pulau Pinang kini diiktiraf oleh Laporan Ketua Audit Negara sebagai negeri dengan pengurusan kewangan terbaik, yang mencatatkan belanjawan lebih setiap tahun sejak 2008 dan sejak 10 tahun yang lalu, aset rizab Pulau Pinang telah bertambah sebanyak 100% menjadi RM1.83 bilion.
- Hutang Pulau Pinang juga telah dapat dikurangkan sebanyak 90% kepada hanya RM65 juta dan dengan sistem tender terbuka yang kompetitif pula membolehkan Kerajaan Negeri berjimat sehingga 45% daripada perbelanjaan kita, yang mana mendapat pujian *Transparency International* yang pertama kali buat mana-mana negeri di Malaysia.
- CIMB Berhad telah meluluskan pinjaman bernilai RM1.5 bilion kepada PDC, sebuah agensi pembangunan utama negeri ini, yang mana pinjaman ini merupakan nilai pinjaman terbesar dalam sejarah Pulau Pinang serta pinjaman yang paling besar pernah diberikan kepada mana-mana Kerajaan Negeri di Malaysia. Ini terbukti bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PDC mempunyai pengurusan kewangan yang cemerlang.



> Majlis Perasmian George Town Festival

- Pulau Pinang kini merupakan salah satu negeri paling bersih bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau ASEAN dan kini kami adalah negeri yang paling berdaya huni, lengkap dengan lorong basikal di seluruh negeri. Hasrat kami untuk menjadikan sebuah negeri hijau ditambah lagi dengan kadar kitar semula Pulau Pinang pada kadar 38%, berbanding dengan kadar kitar semula kebangsaan sebanyak 22%, ditambah dengan fakta bahawa Pulau Pinang tidak pernah memotong walaupun satu inci persegi daripada rizab hutannya.
- Seni, kebudayaan dan warisan, termasuk kulinari telah berkembang di negeri ini, menjadikan Pulau Pinang sebuah hab kebudayaan dengan acara bertaraf antarabangsa seperti George Town Festival, George Town Literary Festival, Penang International Food Festival dan dengan penglibatan Aga Khan Trust for Culture (sebuah badan kebudayaan antarabangsa terunggul) untuk meningkatkan lagi status Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.
- Kerajaan Negeri komited sepenuhnya terutamanya melalui kerjasama dengan PDC untuk membina rumah mampu milik untuk rakyat Pulau Pinang. Sejak tahun 2008, Pulau Pinang telah membina 25,555 buah rumah kos rendah (RM42,000) dan rumah kos sederhana rendah (RM72,500) yang 5 kali ganda lebih daripada jumlah 5,154 buah rumah yang dibina oleh kerajaan sebelum ini.




> Projek Perumahan Mampu Milik Suria 1, Bandar Cassia, Batu Kawan



- Dengan semua perancangan dan pembangunan proaktif ini, masa depan semakin cerah untuk Pulau Pinang dan rakyatnya. Kita sedang berada di revolusi Industri 4.0, yang melibatkan interaksi mesin, *artificial intelligence*, *cloud computing* and *Internet of Things* dan walaupun kita akui bahawa '*Data is King, Talent is indeed Everything*'.

Selaras dengan ini, Kerajaan Negeri telah melabur RM75 juta untuk menubuhkan Penang STEM Sdn Bhd sebagai organisasi untuk pendidikan STEM bagi Sains, Kejuruteraan, Teknologi dan Matematik di 6 buah pusat seperti @ CAT Penang (Accelerator for Creative, Analytics and Technology), Penang Skills Development Centre (PSDC), Penang Science Cluster (PSC), Karpal Singh Penang Learning Centre (KSPLC), Tech Dome Penang (TDP) dan Penang Digital Library (PDL).



> Penang Science Cluster

Ini merupakan strategi yang bersesuaian dan sinergi untuk menerajui STEM, selaras dengan rancangan kami untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Pusat Kecemerlangan untuk Sains dan Teknologi. Kerajaan Negeri juga membiayai Industri 4.0 Seed Fund untuk permulaan teknologi berjumlah USD 1 juta bagi tahun 2018 untuk membina, menarik dan mengekalkan bakat dalam era digital, yang didorong data dan memacu ekosistem permulaan teknologi untuk merealisasikan potensi Pulau Pinang sebagai 'Asia's next Silicon Valley'.

Kami sangat bersemangat dan komited dalam pembangunan pendidikan dan pengetahuan dan dengan salah satu hab pelancongan pendidikan yang pesat berkembang di dunia dengan pembinaan kolej dan universiti terkemuka yang diiktiraf peringkat antarabangsa, kami dapat membayangkan transformasi dalam sektor pelancongan pendidikan di Pulau Pinang menjadi satu daripada pemacu ekonomi utama Pulau Pinang.

Dari segi pelancongan, Pulau Pinang terus menjadi destinasi pelancongan bertaraf dunia, yang mana dikenali di seluruh dunia yang menawarkan sesuatu yang unik untuk bandaraya bertaraf antarabangsa yang moden, Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, kehijauan daripada hutan hijaunya, stesen bukit yang indah, pusat membeli belah dan sudah tentunya makanan yang hebat.

Pulau Pinang juga merupakan pusat kesihatan di rantau ini. Statistik daripada Penang Global Tourism (PGT) menyatakan bahawa pada tahun 2016, Pulau Pinang menerima seramai 347,100 pengunjung yang datang untuk mendapatkan penjagaan kesihatan di sini dan menyumbangkan hasil kira-kira RM458,262,629.

Untuk tahun 2017, jumlah pesakit asing yang datang ke Pulau Pinang meningkat kepada 382,164 dan ini menyumbang RM550,274,088 dalam sektor pelancongan perubatan. Pendapatan ini menyumbang kepada 42.33% pasaran pelancongan kesihatan di Malaysia.

Statistik bagi penumpang (bertolak dan ketibaan) di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang mencecah yang tertinggi pada 7.2 juta penumpang pada tahun 2017, peningkatan 8% berbanding hanya 6.6 juta penumpang pada tahun 2016. Ini melebihi kapasiti maksimum lapangan terbang 6.5 juta; angka itu dijangka akan dicapai pada tahun 2020. Perancangan telah diluluskan untuk memperbesarkan lapangan terbang kami dari 6.5 juta penumpang kepada 12 juta penumpang.



> Robot Murata & Nao semasa Japanese Technology Weekend 2017 di Tech Dome



Tidak hairanlah mengapa kita menerima penghargaan dan pengiktirafan antarabangsa dari New York Times, Lonely Planet dan CNN sebagai tempat yang mempunyai makanan terbaik, tempat terbaik untuk bersara dan terbaik untuk pelancong yang gemar melancong dengan bajet yang rendah. Malah, Yahoo Travel juga menyenaraikan Pulau Pinang antara 8 pulau teratas di dunia yang perlu dilawat sebelum anda menghembuskan nafas terakhir.

Pulau Pinang juga kini berada di barisan utama dalam industri halal Malaysia menerusi pelbagai usaha dan inisiatif sejak penubuhan Penang International Halal Hub (Halal Penang), anak syarikat milik penuh PDC pada tahun 2008. Fasa 1 Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (PHIP) telah menarik 10 syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak RM484.2 juta dan 4 syarikat telah beroperasi sepenuhnya pada tahun 2017.

Dengan peningkatan permintaan untuk tanah perindustrian oleh para pelabur, Halal Penang dengan kerjasama PDC dan Invest-in-Penang Berhad (iP) telah membangunkan Zon Makanan di Utara Penang Science Park dan telah menarik sejumlah RM233.26 juta pelaburan oleh sebanyak 19 buah syarikat.

Pembangunan industri halal yang giat dilaksanakan di Pulau Pinang dapat dilihat dengan nyata dengan adanya Ekspo & Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) yang diadakan setiap tahun sebanyak 8 tahun berturut-turut sejak 2010 bertujuan untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan halal peringkat tempatan dan juga antarabangsa.

Semua perancangan dan inisiatif ini adalah petanda baik bagi Pulau Pinang dan merupakan petunjuk jelas mengenai halatuju Pulau Pinang ke arah menjadi Hab Halal Global.

Di sudut telekomunikasi, PDC Telecommunication Services Sdn Bhd (PDC Telco), merupakan penggerak utama bagi infrastruktur telekomunikasi di Pulau Pinang. Visi PDC Telco adalah *'Making Penang a Smart City with a Digitally-Connected Community'* dan Misinya adalah *'Integrating Data to Future-Proof Tomorrow'*.

Setakat tahun 2017, PDC Telco berjaya membina dan memiliki banyak struktur telekomunikasi seperti menara tetap, Struktur Penerima Mudah Alih (PBTS) dan rangkaian gentian optik. Syarikat-syarikat telekomunikasi utama adalah rakan kongsi teknologi dengan PDC Telco.

Melangkah ke hadapan, PDC Telco merancang untuk menyediakan, membantu dan menyokong lebih banyak perkhidmatan kepada kerajaan tempatan, orang awam dan industri dalam perkhidmatan jalur lebar dengan menyediakan penyambungan gentian untuk peningkatan terakhir dalam mempercepat dan meningkatkan teknologi baru, menambah liputan selular di negeri ini dengan menggunakan lebih banyak menara serta meningkatkan reka bentuk Camouflagh.

Saya ingin menegaskan bahawa kejayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PDC, melambangkan intipati Malaysia - Kerajaan yang menggalakkan perpaduan dan saling menghormati dalam masyarakat kita yang berbilang kaum; yang melindungi hak asasi, persekitaran dan hak wanita; yang berasaskan bakat manusia yang luas, kekayaan kepelbagaian dan sumber semula jadi yang baik; yang membanteras rasuah serta menegakkan integriti dan tadbir urus korporat melalui CAT; dan pada dasarnya, menjanjikan masa depan yang cerah untuk semua anak-anak kita.

Dengan semangat optimistik ini, saya sukacitanya ingin membentangkan Laporan Tahunan PDC 2017 bagi pihak Lembaga PDC.



> Ekspo & Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC)



Upacara Pecah Tanah oleh IKEA Southeast Asia dan Aspen Group yang dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang

## KEWANGAN

Sepanjang tahun ini, PDC meneruskan prestasi kewangannya yang cemerlang melalui amalan tadbir urus korporat yang baik dan berhemah dari segi kewangan dalam pentadbiran dan operasinya.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, PDC mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM241.9 juta dari perolehan sejumlah RM330.8 juta berbanding dengan keuntungan sebelum cukai sejumlah RM45.8 juta dari perolehan sejumlah RM243.3 juta tahun sebelumnya. Secara kumpulan keuntungan sebelum cukai dan perolehan turut meningkat dari RM59.2 juta kepada RM238.7 juta dan dari RM267.0 juta kepada RM359.8 juta masing-masingnya.

Setakat 31 Disember 2017, jumlah aset bersih PDC dan Kumpulan adalah berjumlah RM2.4 bilion dan RM2.5 bilion masing-masing.

Dengan tadbir urus korporat yang baik melalui prinsip CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus), PDC telah mendapat penganugerahan Penarafan Bintang Tertinggi bagi Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara sebanyak 7 kali untuk pengurusan kewangan yang baik.

## PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN TANAH

Sepanjang tahun ini, PDC meneruskan matlamatnya untuk menambah bank tanahnya dengan menyelesaikan proses pengambilan tanah seluas 626 ekar tanah di kawasan Timur Batu Kawan dan sejumlah RM580.0 juta kos pengambilan tanah telah dibayar.

Bagi projek RFP di Bandar Cassia yang melibatkan pemaju-pemaju sektor swasta yang diteruskan adalah Eco World Development Group Berhad, Aspen Group Sdn Bhd, Paramount Property Sdn Bhd dan PE Land Sdn Bhd.

Ikano Penang Sdn Bhd bersama-sama dengan Aspen Group Sdn Bhd telah mengadakan upacara pecah tanah untuk projek IKEA pada 12 September 2017. IKEA dijangka siap dan beroperasi pada awal tahun 2019. Sementara itu, pembangunan Kolej Universiti KDU oleh Paramount Property Sdn Bhd di Bandar Cassia adalah sangat menggalakkan dan dijangka akan dibuka pada akhir tahun 2018. Design Village Penang oleh PE Land Sdn Bhd juga mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang awam sejak pembukaannya.



## PEMBANGUNAN INDUSTRI

Pada tahun 2017, Pulau Pinang merekodkan pelaburan sebanyak RM10.8 bilion (daripada projek-projek pembuatan yang diluluskan oleh MIDA), di mana pelaburan asing terdiri daripada RM8.5 bilion dan pelaburan tempatan adalah RM2.3 bilion. Pelaburan ini juga dijangka mewujudkan 13,553 pekerjaan.

Pada tahun ini, PDC telah berjaya menjual 89.42 ekar tanah perindustrian kepada 27 syarikat di Taman Perindustrian Batu Kawan (73.28 ekar), Utara Penang Science Park (11.97 ekar), Penang Science Park (2.44 ekar), Taman Perindustrian Bayan Lepas (1.63 ekar) dan Taman Perindustrian Prai (0.097 ekar) dengan nilai jualan sebanyak RM160.65 juta.

Selain daripada sokongan perkhidmatan di Taman Perindustrian Batu Kawan, PDC juga telah menambahkan jualannya di Utara Penang Science Park untuk industri am. Sebanyak 10 ekar tanah telah dijual kepada 9 syarikat tempatan dalam industri am seperti pembungkusan, pengetinan, pembuatan kaca, pembuatan pakaian, automotif, pergudangan dan fabrikasi keluli.

## Global Business Services (GBS)

Kerajaan Negeri dengan kerjasama PDC telah melancarkan GBS @ Mayang dalam usaha untuk merangsang pelaburan serta mewujudkan peluang pekerjaan. Dengan lokasi strategik GBS @ Mayang ini yang mana terletak di tengah-tengah kawasan perniagaan Bayan Baru akan menjadikannya lebih ideal sebagai hab perkhidmatan perniagaan.



> Majlis Perasmian GBS @ Mayang

GBS By The Sea yang terletak di Bayan Lepas Technoplex adalah sebahagian daripada pelan induk pembangunan Kerajaan Negeri untuk menawarkan ruang dan persekitaran perusahaan yang kondusif bagi para pelabur dan menyokong bakat baru. Pembangunan yang dicadangkan itu akan melibatkan anggaran kos sebanyak RM200 juta yang akan terdiri daripada 2 fasa iaitu 1 blok bangunan pejabat bertaraf MSC dengan keluasan 358,000 kaki persegi dan 2 blok tempat letak kereta bertingkat dengan menyediakan 2,500 tempat letak kereta.

## Pembangunan IKS

Sepanjang tahun ini, PDC meneruskan peranannya dengan membina dan merancang projek-projek IKS kerana sektor ini merupakan penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi dan menjana pendapatan bagi usahawan tempatan.

SME Village di Batu Kawan yang merangkumi plot-plot perindustrian serta kilang jenis teres dan berkembar, telah dibina secara berperingkat di mana Fasa 1 dan 2 telah siap dibina. Bagi Fasa 3 yang mengandungi pusat perkhidmatan, kedai serbaneka, pusat pameran dan bilik mesyuarat juga telah siap dibina pada bulan Mei 2017 dan sedang dalam proses mendapatkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) daripada MPSP. Pembangunan Fasa 4 yang terdiri daripada 20 unit kilang berkembar telah bermula dan projek ini akan mengambil masa 15 bulan untuk disiapkan.



> Batu Kawan SME Centre



## PENGURUSAN HARTA

### Pengurusan Perumahan Rumah Bertingkat dan Projek-Projek Lain

Pada tahun ini, PDC meneruskan tanggungjawab sosial korporatnya untuk menjalankan kerja-kerja pengecatan semula dan pembaikan kritikal bagi bangunan perumahan tinggi PDC yang telah diserahkan kepada Perbadanan Pengurusan (MC) berdasarkan perkongsian kos 80/20 iaitu 80% daripada kos ditanggung oleh PDC manakala baki 20% akan ditanggung oleh penduduk melalui Perbadanan Pengurusan masing-masing. Sepanjang tahun ini, PDC telah berjaya melaksanakan kerja-kerja pengecatan semula untuk 15 blok projek perumahan bertingkat di Bayan Baru dan Seberang Jaya yang melibatkan 12 Perbadanan Pengurusan (MC).



> Majlis Perasmian Siap Kerja-Kerja Penggantian Lif di Gat Lebu Macallum

PDC juga telah melaksanakan kerja-kerja penggantian lif untuk 6 blok di rumah pangsa Gat Lebu Macallum (iaitu Blok 348, 352, 354, 358, 360 dan 362) berdasarkan perkongsian kos dengan Perbadanan Pengurusan blok masing-masing.

### Pembangunan Perumahan

Pada tahun 2017, PDC bersama-sama dengan Kerajaan Negeri meneruskan tanggungjawab sosialnya untuk perumahan dengan melaksanakan Skim Perumahan Mampu Milik (PMM) dan juga telah membina projek-projek baru untuk menampung keperluan semua lapisan masyarakat.

Fasa 1 projek PMM di Bandar Cassia, Seberang Perai Selatan yang terdiri daripada 520 unit telah siap dibina dan dijangka memperolehi Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) pada suku pertama tahun 2018.

Projek-projek Perumahan Mampu Milik lain yang sedang dalam pembinaan adalah di Kampung Jawa, Seberang Perai Utara; Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya; dan Jalan S P Chelliah, Daerah Timur Laut. Projek di Kampung Jawa telah mencapai 90% siap manakala projek di Teluk Kumbar adalah 68%. Projek di Jalan S P Chelliah yang akan dibangunkan dalam 3 fasa iaitu Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 masing-masing telah mencapai 27%, 48% dan 20% siap.



> Majlis Pelancaran Pengecatan Semula Blok D1 - D9, D20 & D21 di Bandar Seberang Jaya

### Pelancongan

Untuk meneruskan usahanya dalam mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan antarabangsa, Penang Global Tourism (PGT) mengambil bahagian dalam pameran perdagangan antarabangsa seperti South Asia's Leading Travel Show (SATTE), World Travel Mart (WTM), ITB Berlin, Arabian Travel Market Dubai, JATA Japan dan Shanghai World Travel Fair melalui kerjasama rapat dengan pejabat-pejabat Pelancongan Malaysia.

Selaras dengan Tahun Melawat Pulau Pinang 2017, PGT menganjurkan dan menyokong pelbagai acara antarabangsa dan tempatan seperti Fiesta Belon Udara Panas Pulau Pinang ke-3 dan Pulau Pinang Anime Matsuri, Festival Makanan Antarabangsa Pulau Pinang yang pertama dan Penang Street Food Festival.

Bagi sektor pelancongan kapal pelayaran, jumlah kapal pelayaran antarabangsa di Port Swettenham juga telah meningkat sebanyak 88.19% kepada 271 pelayaran berbanding 144 pelayaran pada tempoh yang sama tahun lepas. Port Swettenham kini menjadi Pelabuhan Utama di Malaysia dan menduduki tempat ke-5 di rantau Asia.



## PEMBANGUNAN USAHAWAN

### Pinjaman Mikro Kredit

PDC terus melaksanakan Skim Mikro Kredit pada tahun 2017 daripada pinjaman berjumlah RM1,000 hingga RM20,000, yang diagihkan kepada usahawan tanpa cagaran atau penjamin dan tempoh bayaran balik adalah antara 1 hingga 2 tahun. Jumlah yang telah diagihkan kepada 2,805 usahawan di semua daerah di Pulau Pinang adalah RM13.4 juta.

Pada tahun 2017, sebanyak 27 program promosi telah disediakan kepada pemohon di seluruh Pulau Pinang dan sepanjang tahun ini, 322 peminjam mendapat manfaat daripada skim ini dan jumlah pinjaman yang diagihkan ialah RM2.15 juta.

### Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang

Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk memberi galakan kepada para belia untuk menjadikan industri asas tani sebagai kerjaya. PDC berperanan sebagai ejen Kerajaan Negeri dalam mengagihkan pinjaman, pungutan dan pentadbir dana.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dana sebanyak RM750,000 kepada PDC untuk melaksanakan program ini dan sejumlah RM430,000 telah diberikan kepada 84 peminjam.

## Program Tunas Niaga (PROTUNE)

PDC meneruskan pelaksanaan Program Tunas Niaga (PROTUNE) iaitu program pengurusan keusahawanan untuk pelajar sekolah menengah bagi memupuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar. Pada tahun 2017, seramai lebih daripada 950 pelajar dari 38 sekolah menengah menyertai program ini.

### Pembudayaan dan Latihan Keusahawanan

Pada tahun 2017, PDC menyelaraskan 3 program ini di mana 175 usahawan telah mengambil bahagian dan mendapat manfaat daripada program pembudayaan dan latihan usahawan ini.

## KORPORAT

Pada tahun 2017, saya mempengerusikan Lembaga PDC yang terdiri daripada 12 orang ahli termasuk 3 orang wakil daripada Kerajaan Persekutuan dan telah bermesyuarat sebanyak 6 kali.

Sebanyak 20 mesyuarat KPI Task Force telah diadakan sepanjang tahun ini yang juga dipengerusikan oleh saya dan terdiri daripada Dato' Seri Lee Kah Choon, Dato' Seri Chet Singh, Dato' Rosli Jaafar, Cik Phan Gaik Cher, Puan Chang Wing Mow dan Dato' Loo Lee Lian bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan keseluruhan strategi dan operasi PDC.



Majlis Penyerahan Cek PTSR



### Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

PDC terus memainkan peranan penting sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat serta imej Perbadanan ini. Pada tahun 2017, PDC telah melakukan pelbagai inisiatif dalam melaksanakan program CSR yang memfokuskan kepada komuniti, kebajikan, alam sekitar, pendidikan dan industri.



> Program Integriti Sekolah

Antara program yang dijalankan sepanjang tahun ini adalah dengan menyediakan rumah mampu milik bersubsidi untuk rakyat Pulau Pinang, penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam (pembinaan serta pelebaran jalan dan jambatan), kerja-kerja pengecatan semula dan pembaikan kritikal untuk kediaman bertingkat dan menghijaukan Pulau Pinang melalui projek landskap dan penanaman pokok sebagai tanggungjawab kami terhadap alam sekitar.



> Majlis Pelancaran Menaiktaraf & Pelebaran Jalan Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah

### Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Untuk meningkatkan perkhidmatan ICT, pada tahun 2017 PDC telah menggunakan beberapa perkhidmatan ICT kepada Rangkaian Awan (*Cloud*) yang mana akan membantu meningkatkan produktiviti dan menambah baik kecekapan kerja serta meningkatkan ketersediaan PDC sebagai sebuah organisasi.

Perkhidmatan utama ICT yang digunakan untuk Rangkaian Awan adalah pemulihan bencana awan dan inisiatif *failover* untuk Sistem Pengurusan Kewangan. Satu lagi perkhidmatan ICT yang diguna untuk Rangkaian Awan ialah keupayaan mobiliti pejabat yang membolehkan pengguna mengakses e-mel mereka di sebarang peranti dan semasa bergerak.

Dengan perkembangan yang menggalakkan ini, saya ingin merakamkan secara ikhlas ucapan terima kasih kepada semua rakan dan penyokong, khasnya kepada Jabatan-Jabatan Persekutuan dan Negeri, agensi-agensi, sektor swasta dan juga warga Pulau Pinang atas sokongan padu dan keyakinan tinggi mereka terhadap PDC sepanjang tahun ini.

Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada Ahli-Ahli Lembaga PDC, Ahli-Ahli KPI Task Force, Ahli-Ahli Jawatankuasa Audit, pihak Pengurusan PDC serta kakitangan atas komitmen dan usaha gigih mereka dalam merancang dan melaksanakan projek untuk warga Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

### YAB Tuan Lim Guan Eng

Pengerusi  
Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang



## Chairman's Message



> Signing Ceremony between PDC and Aemulus Sdn. Bhd.

“ In 2017, Penang continued to lead in terms of economic growth, in line with its aspirations towards an intelligent and international city of choice, despite increasing competitions and challenges in the national and global environment. ”

During the year, Penang's achievements were spearheaded by industry, tourism and services, whereby the State Government and PDC worked closely with the private sector in the 4Ps Partnership – 'public sector, private sector, people and professionals'. This partnership has galvanised the energy and spirit of Penang, whereby excellence in science and technology converge with the flourishing of arts and culture to transform the state into an international hub and a liveable city of choice for all.

Penang's success as an entrepreneur and social state can be benchmarked by the following:-

- With over 45 years of cumulative industrial experience and residual intelligence, the state has an established E&E ecosystem comprising over 300 MNCs and 3,000 local supporting companies that is well integrated in the global supply chain. MIDA has also announced Penang as the top FDI (Foreign Direct Investment) recipient among states, with approved manufacturing investment FDI in 2017 valued at RM8.5 billion. Penang was the second top recipient in Malaysia of total manufacturing investment valued at RM10.8 billion.



### ➤ Launching of Penang STEM 4.0

- Compared to 2016, Penang's total investment grew by 151% in 2017, while FDI grew by 180%. A BBC-feature video report has also named Penang as a regional hardware manufacturing hub and Asia's next Silicon Valley.
- With good corporate governance under CAT (Competency, Accountability and Transparency), Penang has been recognised in the Auditor General Report as a state with excellent financial management with surplus budget since 2008 and for the last 10 years, the reserve assets of Penang has increased 100% to achieve RM1.83 billion.
- Penang's debt has reduced 90% to only RM65 million and the competitive open tender system has resulted in the state saving 45% of our expenditure, earning the praise of Transparency International, the first for any state in Malaysia.
- CIMB Berhad's approval of a loan of RM1.5 billion to PDC, the state's premier development agency, the highest ever approved in the history of Penang and for that matter for any state in Malaysia, bears testimony to the excellent financial management of the State Government of Penang and PDC.
- Penang is now one of the cleanest states not just in Malaysia but also in the ASEAN region, and we are now the most liveable state, complete with bicycle lanes throughout the state. Our aspiration to be a green state is further augmented by Penang's recycling rate at 38%, compared to the national recycling rate of 22%, coupled with the fact that Penang has never cut down even a single square inch of its forest reserves.
- Arts, culture and heritage, inclusive of culinary have flourished in the state, making Penang a culture hub with international events like George Town Festival, George Town Literary Festival, Penang International Food Festival and the involvement of Aga Khan Trust for Culture (a renowned international cultural body) to enhance our UNESCO World Heritage Site of George Town.
- The state is fully committed to build affordable homes, especially through PDC for the people of Penang. Since 2008, Penang has constructed 25,555 low cost (RM42,000) and low medium cost (RM72,500) homes which is 5 times more than the total of 5,154 homes built by the previous government.

With all these proactive planning and development in place, the future holds great promises for Penang and its people. We are now in the midst of the Industrial 4.0 revolution, revolving around interaction of machines, artificial intelligence, cloud computing and Internet of Things, and whilst we acknowledge that 'Data is King, Talent is indeed Everything'.

In line with this, the state has invested RM75 million in setting up Penang STEM Sdn Bhd as the umbrella organisation STEM education of Science, Technology, Engineering and Mathematics consisting 6 centres such as @ CAT Penang (Accelerator for Creative, Analytics and Technology), Penang Skills Development Centre (PSDC), Penang Science Cluster (PSC), Karpal Singh Penang Learning Centre (KSPLC), Tech Dome Penang (TDP) and Penang Digital Library (PDL).



> Heritage Buildings of George Town



*It is a coherent and synergistic strategy to spearhead STEM, in line with our plan to establish Penang as the Centre of Excellence (CoE) for Science and Technology. The state is also funding an Industry 4.0 Seed Fund for tech startups of USD 1 million for 2018 to build, attract and retain talents in the data-driven digital era and to spur the tech startup ecosystem to realise Penang's potential as Asia's next Silicon Valley.*

*We are very passionate and committed in the development of education and knowledge, and with one of the fastest growing education tourism hub in the world with the presence of top-class, internationally recognised colleges and universities, we envision transforming Penang's education tourism sector into one of the main economic drivers of Penang.*

*On the tourism front, Penang continues to be a world-class travel destination, one that is known far and wide for offering what is unique for a modern international island city, a UNESCO World Heritage Site of George Town, lush greenery from its age-old rainforests, beautiful hill station, shopping galore and of course, fabulous food.*

*Penang is also a healthcare hub of the region. Statistics from Penang Global Tourism (PGT) revealed that in 2016, Penang received 347,100 healthcare travellers and contributed to about RM458,262,629 in revenue.*

*For 2017, the number of Penang's foreign patients arrival rose to 382,164 and this accounted for RM550,274,088 in medical tourism receipt. This revenue accounted to 42.33% of health tourism market in Malaysia.*

*Passenger traffic (departure and arrival) at the Penang International Airport (PIA) hit an all time high at 7.2 million passengers in 2017, an increase of 8% comparing to just 6.6 million passengers in 2016. This has exceeded the airport's maximum capacity of 6.5 million, the number projected to reach in year 2020. Plans have been approved to expand our airport from 6.5 million passengers to 12 million passengers.*

> Beautiful Hill Station at Penang Hill



*Small wonder we have received a string of international accolades from the New York Times, Lonely Planet and CNN, having the best food, best place to retire, best for discerning and budget travellers. Even Yahoo Travel listed us as among the 8 top islands in the world you must explore before you breathe your last.*

*Penang is also now at the forefront of Malaysia's halal industry through various efforts and initiatives since the inception of Penang International Halal Hub (Halal Penang), a wholly owned subsidiary of PDC in 2008. The Penang Halal Industrial Park (PHIP) Phase 1 has attracted 10 companies with total investments of RM484.2 million and 4 companies have been fully operational in 2017.*

*With the increasing demand for industrial land by investors, Halal Penang in collaboration with PDC and Invest-in-Penang Berhad (iP) has developed the Food Zone at the North Penang Science Park and has attracted a total of RM233.26 million investments by 19 companies.*

*The aggressive development of halal industries in Penang is clearly evident with the annual Penang International Halal Expo and Conference (PIHEC) for 8 consecutive years since 2010 aimed to introduce halal products and services both locally and internationally.*

*All these plans and initiatives augur well for Penang and are clear indications of Penang's trajectory towards becoming a Global Halal Hub.*

*On the telecommunications front, PDC Telecommunication Services Sdn Bhd (PDC Telco), is the prime mover for telecommunication infrastructure in Penang. PDC Telco's Vision is 'Making Penang a Smart City with a Digitally-Connected Community' and its Mission is 'Integrating Data to Future-Proof Tomorrow'.*



> Integrating Data to Future-Proof Tomorrow

As at 2017, PDC Telco had successfully built and owned many telecommunication structures such as permanent towers, Portable Based Transceiver Structure (PBTS) and fiber optic network. Major telecommunication companies are the technology partners with PDC Telco.

Moving forward, PDC Telco is planning to provide, assist and support more services to local government, public and industry in broadband services by providing fiber connectivity for the last mile to have better speed and to enhance in the new technology, to increase the cellular coverage in the state by deploying more towers and enhance the Camouflagh design.

I wish to reiterate that the success of the State Government of Penang and PDC, epitomises the very essence of our Malaysian Dream – of a Government that promotes unity and mutual respect in our multi-racial society; that protects fundamental rights, environment and rights of women; that leverages on its vast human talent, wealth of diversity and good natural resources; that fights corruption and upholds integrity and corporate governance through CAT; and in essence, promises a bright future for all our children.

On this optimistic note, I now have the pleasure of presenting the PDC Annual Report 2017, on behalf of the PDC Board.

## FINANCE

During the year, PDC continued with its commendable financial performance, through the practice of good corporate governance and financial prudence in its management and operations.

For the financial year ended 31 December 2017, PDC recorded a higher profit before tax of RM241.9 million on a revenue of RM330.8 million as compared to a profit before tax of RM45.8 million on a revenue of RM243.3 million in the previous year. On a group basis profit before tax and revenue also improved from RM59.2 million to RM238.7 million and from RM267.0 million to RM359.8 million respectively.

The net assets of the Corporation and Group as at 31 December 2017 stood at RM2.4 billion and RM2.5 billion respectively.

With good corporate governance through CAT (Competency, Accountability and Transparency), PDC has over the years been awarded the most commendable and Highest Star Ratings Accountability Index by the Auditor General's Department for a total of 7 times, for good financial management.



## LAND DEVELOPMENT AND MANAGEMENT

During the year, PDC continued with its goal to increase its land bank by completing the process of acquisition of the entire 626 acres of land at East Batu Kawan and a total of RM580.0 million being cost of acquisition had been paid.

The RFP projects in Bandar Cassia which involved private sectors that were successfully taken up are by Eco World Development Group Berhad, Aspen Group Sdn Bhd, Paramount Property Sdn Bhd and PE Land Sdn Bhd.



> Eco Horizon, gated and guarded residential project by Eco World

Ikano Penang Sdn Bhd together with Aspen Group Sdn Bhd had the IKEA ground breaking ceremony on 12 September 2017. The IKEA store is expected to be completed and operational in early 2019. Meanwhile development of the KDU University College by Paramount Property Sdn Bhd in Bandar Cassia is very encouraging and is expected to open end of 2018. Design Village Penang by PE Land Sdn Bhd has also received positive response from the public since its opening.

## Industrial Development

In 2017, Penang recorded an investment of RM10.8 billion (from manufacturing projects approved by MIDA), out of which foreign investment comprised RM8.5 billion and domestic investment RM2.3 billion. These investments are also expected to create 13,553 jobs.

During the year, PDC had successfully sold 89.42 acres of industrial land to 27 companies in Batu Kawan Industrial Park (73.28 acres), North Penang Science Park (11.97 acres), Penang Science Park (2.44 acres), Bayan Lepas Industrial Park (1.63 acres) and Prai Industrial Park (0.097 acres) with a sales value of RM160.65 million.

Apart from the support services located in Batu Kawan Industrial Park, PDC had also expanded its sales in North Penang Science Park (NPSP) for general industry. A total of 10 acres of land were sold to 9 local companies in the general industry such as packaging, canning, glass manufacturing, garment manufacturing, automotive, warehousing and steel fabrication.



> Aerial view of development in Bandar Cassia, Batu Kawan



> GBS By The Sea

### Global Business Services (GBS)

The State Government in collaboration with PDC had launched GBS @ Mayang in an effort to stimulate investment and create employment opportunities. The strategic location of GBS @ Mayang in the heart of Bayan Baru business district will make it more ideal as a business services hub.

GBS By The Sea located in Bayan Lepas Technoplex is part of the state's master development plan to offer a conducive enterprise space and environment for investors and supporting new talent. The proposed development will involve an estimated cost of RM200 million which comprise 2 phases i.e. 1 block of office building of MSC status with a net area of 358,000 square feet and 2 blocks of multi-storey car parks with 2,500 parking lots.

### SME Development

During the year, PDC continued to build and plan SME projects as this sector represents an important contribution to economic growth and generates income for local entrepreneurs.

The SME Village in Batu Kawan comprising industrial plots as well as terrace and semi-detached factories, were built in phases where Phase 1 and 2 had been completed. Phase 3 which consist of a service centre, convenient stores, exhibition centre and meeting rooms were also completed in May 2017 and is in the process of obtaining Certificate of Completion and Compliance from MPSP during the year. Development of Phase 4 which comprise 20 units semi-detached factories had commenced and the project will take 15 months to complete.

### PROPERTY MANAGEMENT

#### Management of PDC High Rise Buildings and Other Projects

During the year, PDC continued with its corporate social responsibility to carry out repainting and critical repair works for PDC's high rise buildings that had been handed over to Management Corporations (MCs) based on cost sharing basis of 80/20 i.e. 80% of the cost is borne by PDC whereas the remaining 20% shall be borne by the residents through their respective MCs. During the year, PDC had successfully carried out repainting works for 15 blocks of high rise residential projects in Bayan Baru and Seberang Jaya comprising 12 MCs.

PDC had also carried out lift replacement works for 6 blocks of flats at Gat Lebu Macallum (i.e. Blocks 348, 352, 354, 358, 360 and 362) based on cost sharing basis with the respective MCs.



> Repainting Works at Bandar Seberang Jaya



> Topping Up at Jiran Residensi Kampung Jawa, Butterworth (Affordable Housing Scheme )

### Housing Development

In 2017, PDC together with the State Government continued with its social responsibility towards housing by implementing the Affordable Housing Scheme (AHS) and had also added new projects to meet the needs of all stratum of society.

Phase 1 of the AHS project at Bandar Cassia, South Seberang Perai comprising 520 units had been completed and the Certificate of Completion and Compliance (CCC) is expected to be obtained in the first quarter of 2018.

The other AHS projects under construction are in Kampung Jawa, North Seberang Perai; Teluk Kumbar, South West District; and Jalan S P Chelliah, North East District. The project at Kampung Jawa was at 90% completion whereas Teluk Kumbar project was at 68%. The Jalan S P Chelliah project which would be developed in 3 phases i.e. Phase 1, Phase 2 and Phase 3 were at 27%, 48% and 20% completion respectively.



> Affordable Housing Scheme, Suria 1, Bandar Cassia, Batu Kawan

### Tourism

To continue its efforts in promoting Penang as an international tourism destination, Penang Global Tourism (PGT) participated in international trade shows such as South Asia's Leading Travel Show (SATTE), World Travel Mart (WTM), ITB Berlin, Arabian Travel Market Dubai, JATA Japan and Shanghai World Travel Fair through close collaboration with Tourism Malaysia offices.

In line with Visit Penang Year 2017, PGT organised and supported various international and local events such as the 3<sup>rd</sup> Penang Hot Air Balloon Fiesta and Penang Anime Matsuri, the inaugural Penang International Food Festival and Penang Street Food Festival.

On the cruise tourism sector, the number of international cruises in Swettenham Port had also increased by 88.19% to 271 cruises compared to 144 cruises in the same period last year. Swettenham Port is now the top Port of Call in Malaysia and ranked 5<sup>th</sup> in Asia region.



> PDC Board Members and Top Management

### MICRO CREDIT SCHEME

PDC continued to implement the Micro Credit Scheme in 2017 ranging from RM1,000 to RM20,000 which is distributed to entrepreneurs without any collateral or guarantors, and the period of payback is between 1 to 2 years. The total amount that had been distributed is RM13.4 million to 2,805 entrepreneurs in all districts in Penang.

In 2017, a total of 27 promotional programmes were provided to applicants throughout Penang and during the year, 322 borrowers benefited from this scheme and the total loans distributed was RM2.15 million.



> Micro Credit Scheme - Handing over of cheques

### Young Agro Entrepreneurs Fund

The Young Agro Entrepreneurs Fund was implemented by the State Government to motivate youths to carve a career in the agro-based industry. PDC acts as an agent of the State Government in distributing the loan, collection and administration of the fund.

The State Government has allocated RM750,000 to PDC to implement the programme and a sum of RM430,000 has been distributed to 84 borrowers.

### PROTUNe Programme

PDC continued with the Tunas Niaga Programme (PROTUNe) which is an entrepreneur management programme for secondary schools, to inculcate the culture of entrepreneurship in students. In 2017, more than 950 students from 38 secondary schools participated in the programme.

### Entrepreneur Enculturation and Training

In 2017, PDC coordinated 3 such programmes whereby 175 entrepreneurs participated and took benefit from these entrepreneur enculturation and training programmes.

### CORPORATE

During the year, I chaired the PDC Board which comprised 12 members inclusive of 3 representatives from the Federal Government and a total of 6 meetings were convened.

A total of 20 KPI Task Force meetings were also held during the year, also chaired by me and comprising Dato' Seri Lee Kah Choon, Dato' Seri Chet Singh, Dato' Rosli Jaafar, Ms Phan Gaik Cher, Ms Chang Wing Mow and Dato' Loo Lee Lian to discuss matters pertaining to the overall strategy and operations of PDC.



> Participants of Young Agro Entrepreneurs Programme




### Corporate Social Responsibility (CSR)

PDC continued to play an important role as a responsible corporate citizen in enhancing the well-being of the people as well as image of the Corporation. In 2017, PDC had taken various initiatives to implement CSR programmes focussing on community, welfare, environment, education and industry.

Among the programmes undertaken throughout the year were providing subsidised affordable homes for the people of Penang, infrastructure and public amenities (building as well as expansion of roads and bridges), repainting and critical repair works of high rise residential buildings and greening Penang through landscaping projects and tree planting as our responsibility towards the environment.



➤ CSR Programme during PDC Hari Raya Open House



➤ Public Amenities - Banquet Hall at Ampang Jajar

### Information and Communication Technology (ICT)

To enhance ICT services, PDC has deployed a few ICT services to the Cloud in 2017 which will help to increase productivity and improve work efficiencies as well as improve availability to PDC as an organisation.

The key ICT service deployed to the Cloud is the cloud disaster recovery and failover initiatives for the Enterprise Financial Management System. Another ICT service deployed to the Cloud is the office mobility capability, allowing users to access their emails on any device and while on the move.

On this encouraging note, I wish to convey my sincere thanks and regards to all our corporate friends and supporters, namely the Federal and state departments, agencies, private sectors as well as the people of Penang for their strong support and confidence to PDC during the year.

I would also like to extend my thanks and appreciation to PDC Board members, KPI Task Force members, Audit Review Committee members, PDC Management as well as staff for their commitment and hard work in planning and implementing projects for the people of Penang.

Thank you.

**YAB Mr. Lim Guan Eng**

Chairman  
Penang Development Corporation

# LAPORAN- LAPORAN

*REPORTS*





## PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN TANAH

---



## Pembangunan dan Pengurusan Tanah

Tahun 2017 merupakan tahun yang penuh cabaran bagi PDC terutama bagi sektor pembangunan tanah disebabkan kesan ekonomi global yang telah menjejaskan kerancangan aktiviti pembangunan dengan penglibatan pihak swasta. Namun begitu, selaras dengan Pelan Strategik 5-Tahun PDC (2016-2020) untuk mewujudkan koridor pembangunan, meneruskan matlamat untuk menambah bank tanah dengan menyelesaikan proses pengambilan tanah keseluruhan kawasan Timur Batu Kawan seluas 626 ekar yang telahpun diletakkan di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah pada tahun 2015. Sejumlah RM580.0 juta telah dibayar untuk pengambilan tanah. Seterusnya PDC akan merancang pembangunan yang bersesuaian ke atas tanah ini dan sebagai permulaan, PDC sedang menyediakan pelan induk yang merangkumi pembangunan bercampur, menaiktaraf jalan dan perindustrian.

PDC juga mendapati sambutan panggilan tender pembangunan *Request for Proposal (RFP)* agak kurang memberangsangkan pada tahun 2017. Disebabkan oleh keadaan ekonomi juga, terdapat beberapa usaha *RFP* dan penjualan tanah tidak dapat diteruskan disebabkan harga tanah atau tiada penyertaan dan minat dari pihak swasta. Antara projek *RFP* yang tidak diteruskan adalah Taman Tema Antarabangsa (120 ekar) dan Golf Resort Antarabangsa dan Pembangunan Bercampur (570 ekar). Projek *RFP* di Bandar Cassia yang melibatkan pemaju-pemaju swasta yang diteruskan adalah Eco World Development Group Berhad, Aspen Group Sdn Bhd, Paramount Property Sdn Bhd dan PE Land Sdn Bhd. Anak-anak syarikat Eco World Development Group Berhad iaitu Eco Horizon Sdn Bhd dan Eco Sun Sdn Bhd telah mendapatkan tanah Abad Naluri Sdn Bhd seluas 300 ekar dan 74 ekar di samping menyiapkan sebuah Galeri Jualan di Bandar Cassia.

Ikano Penang Sdn Bhd bersama dengan Aspen Group Sdn Bhd telah menjalankan majlis pecah tanah pembangunan IKEA pada 12 September 2017. Gedung IKEA dijangkakan siap dan mula beroperasi pada awal tahun 2019. Sementara itu, pemajuan Kolej Universiti KDU oleh Paramount Property Sdn Bhd di Bandar Cassia juga turut memberangsangkan dan dijangkakan akan dibuka pada akhir tahun 2018. Di samping itu, Penang Design Village oleh PE Land Sdn Bhd juga telah berjaya beroperasi dan mendapat sambutan positif daripada orang ramai.

PDC menjangkakan keadaan ekonomi akan semakin pulih pada tahun-tahun akan datang. Di sebalik keadaan ini, PDC terus merancang untuk mencari jalan terbaik dalam meneruskan kerancangan dan mengaktifkan pembangunan di Bandar Cassia, Batu Kawan.

### Pembangunan Industri

Pada tahun 2017, Pulau Pinang merekodkan pelaburan sebanyak RM10.8 bilion (daripada projek-projek pembuatan yang diluluskan oleh MIDA), di mana pelaburan asing adalah sebanyak RM8.5 bilion dan pelaburan tempatan sebanyak RM2.3 bilion. Pelaburan ini dijangka akan mewujudkan sejumlah 13,553 peluang pekerjaan.

Sepanjang tahun 2017, PDC telah berjaya menjual sebanyak 89.42 ekar tanah perindustrian kepada 27 buah syarikat iaitu di Taman Perindustrian Batu Kawan (73.28 ekar), Utara Penang Science Park (11.97 ekar), Penang Science Park (2.44 ekar), Taman Perindustrian Bayan Lepas (1.63 ekar) dan Taman Perindustrian Prai (0.097 ekar) dengan nilai jualan sebanyak RM160.65 juta.



Kerja-kerja pembinaan Kolej Universiti KDU di Batu Kawan



➤ Majlis Pengumuman *Gold & Jewellery Industry Cluster* di Taman Perindustrian Batu Kawan

Daripada syarikat-syarikat yang melabur di tanah perindustrian PDC, terdapat 3 syarikat MNC yang telah memilih Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP) iaitu:-

- Hotayi Electronics (M) Sdn Bhd (Taiwan) dengan aktiviti *design and manufacturing electronic service i.e. automotive, consumer and medical products*. Hotayi dijangka melabur sebanyak RM720 juta dan menjana peluang pekerjaan sejumlah 520 pekerja bagi mengembangkan operasi mereka di atas tanah seluas 40 ekar di BKIP.



➤ Hotayi Electronics (M) Sdn Bhd (Taiwan) di Taman Perindustrian Batu Kawan

- Towam Sdn Bhd (Jepun) dengan aktiviti pembuatan *automolding systems, singulation systems and general handling systems* untuk kegunaan industri semikonduktor dan lain-lain industri berkaitan. Syarikat ini dijangka melabur sebanyak RM136 juta di atas tanah seluas 9 ekar dan dianggarkan menjana peluang pekerjaan sejumlah 372 orang.
- Farraj Trading & Manufacturing Sdn Bhd (Jordan) dengan aktiviti *electrical distribution board, electrical circuit breakers & high rise electrical busbar system* dijangka melabur sebanyak RM56 juta atas tanah seluas 2 ekar. Peluang pekerjaan dijangka berjumlah 185 pekerja.

Selain aktiviti sokongan yang lebih tertumpu di BKIP, PDC juga telah memperluaskan penjualan di Utara Penang Science Park (NPSP) bagi industri am. Pada tahun 2017, sebanyak 10 ekar tanah telah dijual kepada 9 buah syarikat tempatan dalam industri am seperti aktiviti pembungkusan, pengetinan, pembuatan kaca, pembuatan pakaian, automotif, pergudangan serta fabrikasi keluli.

Selain itu, PDC juga giat membangunkan pembinaan infrastruktur di NPSP bagi menampung keperluan industri yang kian mendapat permintaan daripada para pelabur memandangkan jaringan akses yang baik di kawasan tersebut yang berdekatan Taman Perindustrian Bukit Minyak dan Auto City Juru.

Pada tahun 2017, perkembangan terkini berhubung pembangunan dan pelaburan di tanah perindustrian PDC adalah seperti berikut:-

- Kawasan Zon Makanan di NPSP iaitu seluas lebih kurang 98 ekar telah memperolehi pengiktirafan HALMAS daripada Halal Industry Development Corporation (HDC). Pengiktirafan ini secara tidak langsung membolehkan syarikat yang terlibat dalam pengeluaran produk halal sahaja layak untuk memohon insentif yang ditawarkan daripada pihak HDC.
- PKT Logistics (M) Sdn Bhd telah menyiapkan dan memulakan operasi *The 12 Waves* pada tahun 2017 bagi aktiviti pergudangan. Kini, PKT dalam proses untuk menyiapkan pembinaan *The Ship Campus*.
- PDC telah menandatangani perjanjian jual beli dengan 5 buah syarikat yang bernaung di bawah Penang Goldsmith Association (PGA) bagi tujuan pembuatan industri emas dalam kawasan seluas 5.4 ekar di BKIP.



## Global Business Services

Menurut *Outsourcing Malaysia* (OM), sektor perkhidmatan perniagaan global di Malaysia dilihat mempunyai kadar pertumbuhan kompaun tahunan (CAGR) sebanyak 10% - 15% untuk tempoh 5 tahun akan datang. Berdasarkan Prestasi Pelaburan Malaysia 2016 yang diumumkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) baru-baru ini, Pulau Pinang merupakan penerima pelaburan kedua terbesar selepas Kuala Lumpur bagi penubuhan global untuk perkhidmatan *Global Establishments for Services or 'Principal Hub'* dengan nilai pelaburan sejumlah RM4.1 bilion. Sebagai memenuhi permintaan yang semakin meningkat oleh syarikat-syarikat *Global Business Services* (GBS) untuk ruang pejabat yang kondusif, PDC melancarkan 2 projek iaitu penambahbaikan bangunan Mayang Mall untuk GBS @ Mayang dan pembangunan GBS By The Sea.

### GBS @ Mayang

Selaras dengan hasrat memperkasakan komuniti tempatan, terutama di sektor industri dan komersil Pulau Pinang dan juga mengambil bahagian dalam pembangunan global industri digital, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PDC telah melancarkan GBS @ Mayang dalam usaha merangsang pelaburan dan peluang pekerjaan. Inisiatif ini bertujuan bagi menggalakkan syarikat tempatan dan global menubuhkan operasi mereka di GBS @ Mayang dan dianggarkan sejumlah 20 syarikat GBS bakal turut serta dan mampu menyediakan lebih daripada 8,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada penduduk tempatan serta usahawan. Ianya selaras dengan perancangan Skim Peningkatan Perniagaan Mengikut Daerah - *Business Improvement District Scheme* (BIDS).

Dalam usaha menempatkan syarikat-syarikat yang ingin meluaskan pengetahuan baru dalam bidang digital, PDC membelanjakan sejumlah RM10 juta bagi mengubahsuai bangunan Mayang Mall kepada sebuah pusat GBS yang bertaraf MSC untuk ditawarkan kepada para pelabur. Lokasi strategik GBS @ Mayang yang terletak di tengah-tengah kawasan perniagaan Bayan Baru akan menjadikannya lebih ideal sebagai hab perkhidmatan perniagaan.

GBS @ Mayang telah dilancarkan pada 7 April 2017 dan dijangka siap pada bulan Januari 2018. Setakat Disember 2017, Jabil Sdn Bhd dan Swarovski Global Business Services Asia Sdn Bhd telah menandatangani kontrak sewaan untuk GBS @ Mayang sementara satu lagi syarikat multinasional dalam proses memuktamadkan perundingan sewaan. Ketiga-tiga syarikat ini akan memenuhi 80% daripada jumlah ruang sewa di GBS @ Mayang.

### Projek GBS By The Sea

GBS By The Sea yang berlokasi di Bayan Lepas Technoplex merupakan sebahagian daripada pelan induk pembangunan negeri yang menawarkan persekitaran dan ruang perniagaan yang kondusif kepada para pelabur serta dapat menyokong bakat baru secara menyeluruh. Cadangan pembangunan tersebut akan melibatkan anggaran kos sebanyak RM200 juta yang melibatkan 2 fasa iaitu 1 blok bangunan pejabat bertaraf MSC Malaysia dengan keluasan bersih 358,000 kaki persegi dan 2 blok bangunan parkir bertingkat dengan kapasiti 2,500 lot parkir. Kampus ini juga akan dilengkapi dengan kedai-kedai perniagaan, gerai makanan/minuman dan bertujuan untuk menjadi bangunan pejabat gred 'A' yang menggabungkan komponen pejabat dan komersil bagi mengaplikasikan konsep '*live-work-learn-play*' yang pertama di Pulau Pinang.

> Bangunan GBS @ Mayang



Pembangunan GBS By The Sea telah diumumkan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang pada 16 Mei 2017. Fasa pertama projek iaitu pembinaan satu blok bangunan parkir bertingkat dijangka bermula pada bulan Januari 2018. Pembangunan ini dijangka siap pada tahun 2020 dan mampu menyediakan 3,000 peluang pekerjaan.

### Pembangunan IKS

Kerajaan Negeri bersama PDC sentiasa peka, memantau dan merancang kemudahan dan khidmat sokongan yang berterusan kepada IKS kerana sektor ini merupakan sumbangan penting kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan menjana pendapatan kepada para pengusaha tempatan. Oleh yang demikian, PDC secara berterusan telah membina dan terus merancang projek-projek IKS bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Di bawah projek SME Village Batu Kawan, plot-plot tanah industri serta kilang-kilang jenis teres dan berkembar dibangunkan secara berperingkat di mana Fasa 1 dan 2 telah siap dibangunkan. Fasa 3 yang merangkumi pusat perkhidmatan, kedai serbaneka, ruang pameran dan bilik mesyuarat juga telah siap pada bulan Mei 2017 dan sedang dalam proses memperolehi *Certificate of Completion and Compliance* daripada MPSP.

Pada bulan Oktober 2017, untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat, PDC telah memulakan pembangunan Fasa 4 yang merangkumi 20 unit. Projek ini mengambil masa selama 15 bulan untuk disiapkan. Selaras dengan itu, program pelancaran jualan telah diadakan di Galeri Jualan PDC di Batu Kawan pada 12 Disember 2017.



> Majlis Pecah Tanah Kerja-Kerja Infrastruktur bagi Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di Ampang Jajar, Seberang Perai Utara

### Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam

Pada tahun 2017, PDC telah meneruskan usahanya untuk menyediakan tapak pembangunan dan kemudahan infrastruktur bagi menyokong perkembangan pesat sektor industri, perumahan dan komersil di Batu Kawan, Seberang Perai Selatan serta di Penang Science Park.

Pelebaran Jalan Bukit Tambun dari 2 lorong kepada 6 lorong yang merupakan jalan masuk utama ke Bandar Cassia sedang giat dijalankan dan dijangka akan siap pada suku keempat tahun 2018. Pelebaran Jambatan Batu Kawan bersebelahan jambatan sedia ada daripada 2 lorong kepada 6 lorong telah dimulakan dan dijangka akan siap pada suku kedua tahun 2019.

Pada masa ini, pembinaan Jambatan Valdor yang akan menghubungkan Batu Kawan dengan Valdor melalui Jalan Persekutuan 1 sedang dalam pembinaan dan dijangka akan siap pada suku kedua tahun 2019. Jambatan ini adalah jalan masuk utama yang ketiga ke Batu Kawan selepas Jalan Bukit Tambun dan Jambatan Kedua Pulau Pinang.



> Projek Pelebaran Jalan Bukit Tambun



Kerja-kerja menambun tanah bagi menyediakan tapak perindustrian juga sedang giat dilaksanakan di BKIP di mana baki kawasan Fasa 1 seluas 53 ekar telah siap sepenuhnya pada bulan Jun 2017. Kawasan Fasa 2 seluas 34 ekar lagi sedang giat dijalankan dan dijangka siap pada suku ketiga tahun 2018.



> Majlis Pelancaran Pelebaran Jalan Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan

Jalan-jalan di dalam kawasan SME Park 3 di BKIP telah disiapkan pada bulan Mac 2017. Jalan Persiaran Cassia Selatan 6 sedang giat dijalankan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku pertama tahun 2019. Sementara itu, Jalan Persiaran Cassia Selatan 8 dijangka akan siap sepenuhnya pada suku kedua tahun 2018. Jalan-jalan di dalam kawasan Hab Logistik juga sedang dirancang dan dijangka akan siap pada suku pertama tahun 2019.

Jalan Cassia Barat 1 yang merupakan jalan masuk utama ke projek perumahan mampu milik (AHS) Suria 1 telah disiapkan pada bulan Mei 2017. Manakala, kerja-kerja pembinaan Lingkaran Cassia Barat telah dimulakan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku keempat tahun 2019.

Sementara itu, kerja-kerja memperluaskan NPSP seluas 377 ekar lagi telah dimulakan. Kerja-kerja meratakan bukit seluas 13 ekar sedang giat dijalankan dan dijangka akan siap pada suku pertama tahun 2018. Kawasan Fasa 3 seluas 33 ekar lagi sedang dalam perancangan untuk ditambun tanah pada tahun 2018.

Kini PDC sedang menjalankan kerja-kerja infrastruktur bagi menyambungkan kawasan sedia ada Penang Science Park ke Juru melalui kawasan baru di NPSP.

## PENGURUSAN HARTA

### Pengurusan Perumahan Bertingkat dan Lain-Lain Projek PDC

Dalam tahun 2017, PDC masih meneruskan dengan tanggungjawab sosial korporat untuk melaksanakan kerja-kerja pengecatan semula dan pembaikan kritikal bagi bangunan perumahan bertingkat PDC yang telah diserahkan kepada Perbadanan Pengurusan. Ini adalah berdasarkan polisi perkongsian kos 80/20 iaitu 80% kos ditanggung oleh PDC, manakala baki 20% kos ditanggung oleh pemilik petak melalui Perbadanan Pengurusan masing-masing. Sepanjang tahun 2017, PDC telah berjaya menyiapkan kerja-kerja pengecatan semula untuk sebilangan 15 blok di projek perumahan bertingkat di kawasan Bayan Baru dan Seberang Jaya yang merangkumi 12 Perbadanan Pengurusan.



> Upacara Penyerahan Rasmi Penyiapan Kerja-kerja Pengecatan Semula dan Pembaikan Kritikal di Blok 74, Jalan Tengah, Bayan Baru

Pada masa yang sama, PDC turut menjalankan kerja-kerja pengecatan semula atas dasar tanggungjawab sosial korporat untuk Blok 38, Pangsapuri Century, Batu Uban yang bukan dibangunkan oleh PDC, dalam usaha untuk membantu Perbadanan Pengurusan blok tersebut. Dalam hal ini, jumlah kos telah dikongsi oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli Parlimen/ADUN Kawasan dan pihak Perbadanan Pengurusan Blok 38 sendiri.



Di samping itu, dalam tahun 2017, PDC juga telah berjaya melaksanakan kerja-kerja penggantian lif berdasarkan perkongsian kos dengan pihak Perbadanan Pengurusan masing-masing di 6 buah blok di Gat Lebu Macallum iaitu Blok 348, 352, 354, 358, 360 dan 362. Lif baru ini dilengkapi dengan kamera litar tertutup, sistem sintesis suara (*voice synthesizer*) dan muzik. Kerja-kerja penggantian lif-lif terlibat telah dilaksanakan secara berperingkat mulai bulan September 2016 dan telah siap sepenuhnya dalam tahun 2017.

### Pemuliharaan Semula KOMTAR

Projek The Top @ Komtar yang dibangunkan oleh Only World Group (OWG), kini merupakan satu daya tarikan baru yang menawarkan pelbagai tarikan yang sesuai bagi pengunjung domestik mahupun luar negara. Komponen projek-projek tarikan merangkumi *Dinosaur & Zodiac Park*, *Planetarium*, *7D Theatre*, ruang niaga, makanan dan hiburan keluarga di Aras 5, *Top View Restaurant & Lounge* di Aras 59 dan 60 serta tarikan lain di Aras 65 hingga Aras 68 seperti *Observatory Deck*, *Rainbow Skywalk* dan juga *Coco Cabana Bar & Bistro*. Lain-lain projek pembangunan adalah di Aras 3 yang menempatkan *Penang State Gallery*, *Durian Museum* dan *Penang Food Street* dan Akuarium di Aras 4.



> Jurassic Research Center



> Rainbow Skywalk di Komtar

Lebih membanggakan lagi ialah kontraktor utama untuk projek ini yang dilantik oleh OWG, iaitu Alam Langkawi Sdn Bhd telah menerima anugerah *The Malaysian Construction Industry Excellence Award 2017 (Best Project Award for Medium Category Building)* daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam tahun ini.

Dalam aspek fizikal bangunan KOMTAR, pihak PDC terus giat melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penaiktarafan kemudahan bagi memastikan aspek keselesaan, keselamatan dan kesediaan kemudahan-kemudahan di bangunan KOMTAR sentiasa dijaga. Kerja-kerja yang dilaksanakan dalam tahun 2017 termasuklah membaiki pulih lantai konkrit di Aras 5, Blok Podium, penaiktarafan lif di Blok Podium (Fasa 2), penggantian *York chiller* di Aras 43, penggantian eskalator di KOMTAR *bus interchange* dan di Jalan Magazine, penggantian *chilled water booster pump* dan penggantian *Air Handling Unit (AHU)* di Blok Podium (Fasa 2).





Dalam tahun 2017, kerja-kerja pengubahsuaian di premis perniagaan di Aras 1 di bangunan tempat letak kereta KOMTAR sedang dilaksanakan oleh OWG. Apabila premis-premis perniagaan ini dibuka kelak, ianya akan turut menambahkan kunjungan daripada orang ramai.

Selain dari projek yang dijalankan oleh OWG, pihak Penang Tech Centre Berhad (PTC) telah membangunkan Dome dan Pusat Skuasy sebagai Penang Tech Dome yang berfungsi sebagai pusat kecemerlangan sains dan teknologi yang akan mengetengahkan serta mendedahkan inovasi teknologi tinggi kepada orang ramai khususnya di kalangan belia.

PDC dan Kerajaan Negeri memang sentiasa berusaha dan bekerja keras demi memastikan hasrat mengembalikan kegemilangan KOMTAR dapat dicapai.

### Pembangunan Perumahan

Seperti pada tahun-tahun sebelumnya, pada tahun 2017, PDC bersama dengan Kerajaan Negeri masih lagi meneruskan tanggungjawab sosial perumahannya melalui pelaksanaan Projek Perumahan Mampu Milik (PMM) dan telah menambah projek-projek baharu bagi memenuhi permintaan.

Projek PMM fasa pertama di Bandar Cassia, Seberang Perai Selatan yang mengandungi 520 unit telahpun siap dibina dan sedang dalam permohonan untuk mendapatkan Sijil Perakuan Siap & Pematuhan atau *Certificate of Completion & Compliance (CCC)* yang dijangka akan diperolehi pada suku pertama tahun 2018.

Lain-lain projek PMM yang sedang dalam pembinaan ialah di Kampung Jawa, Seberang Perai Utara; di Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya; dan di Jalan S P Chelliah, Daerah Timur Laut. Projek di Kampung Jawa kini telah mencapai 90% siap sementara di Teluk Kumbar pula telah 68% siap. Projek di Jalan S P Chelliah yang dilaksanakan secara berfasa iaitu Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 masing-masing kini telah 27%, 48% dan 20% siap.



➤ Projek-projek Perumahan Mampu Milik Kerajaan Negeri



➤ Projek PMM Dua Residensi, Teluk Kumbar



## PELABURAN

---



## Pelaburan

### PIHH Development Sdn Bhd (Halal Penang)

Pulau Pinang hari ini berada di persada antarabangsa ke arah membangunkan industri halal dengan pelbagai inisiatif dan usaha semenjak penubuhan Halal Hab Antarabangsa Pulau Pinang pada tahun 2008. Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP) Fasa 1 di Bukit Minyak telah mencatatkan nilai pelaburan sejumlah RM484.2 juta melalui pelaburan 10 buah syarikat dan sehingga kini, 4 syarikat telah beroperasi sepenuhnya. Zon TPHPP seluas 100 ekar ini telah mendapat pengiktirafan status HALMAS daripada Halal Industry Development Corporation (HDC) bagi membolehkan pengusaha industri menikmati pengecualian cukai dan duti import bahan mentah bagi pengeluaran produk mereka.

Memandangkan permintaan tanah industri yang tinggi oleh pelabur, Halal Penang dengan kerjasama PDC dan Invest-in-Penang Berhad (iP) telah membangunkan TPHPP Fasa 2 iaitu Zon Makanan yang terletak di bahagian Utara Penang Science Park, Bukit Minyak dengan nilai pelaburan sebanyak RM233.26 juta melalui 19 buah syarikat industri halal. Pada bulan Mei 2017, Zon Makanan ini juga telah berjaya mendapat pengiktirafan status HALMAS daripada HDC.

Hasil inisiatif Kerajaan Negeri dalam menjenamakan semula Bahagian Pengurusan Halal sejak tahun 2010 yang berprinsipkan '*Conducive, Aggressive and Persuasive*' telah menyaksikan pertumbuhan dalam jumlah syarikat berdaftar halal di Pulau Pinang. Statistik kenaikan mendadak ini telah direkodkan dari sejumlah 55 buah syarikat halal pada tahun 2008 kepada 838 buah syarikat halal sehingga penghujung tahun 2017. Sektor kenaikan ini merangkumi restoran dan *outlet* makanan, industri pembuatan (produk makanan, kosmetik dan farmaseutikal), perkhidmatan makanan atas pelayaran *cruise*, logistik dan perhotelan. Melalui program seminar dan *outreach* halal, industri *medical device* di Pulau Pinang telah menunjukkan minat untuk meneroka peluang dalam industri halal dan buat masa ini, pihak Jabatan Standards Malaysia masih dalam peringkat semakin deraf bagi piawaian halal *medical device*.

Perkembangan agresif sektor industri halal Pulau Pinang jelas terbukti dengan penganjuran Ekspo & Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) selama 8 tahun berturut-turut sejak tahun 2010 bagi memperkenalkan produk dan perkhidmatan halal tempatan dan antarabangsa. PIHEC 2017 telah mencatatkan lebih daripada 330 pemamer dari dalam dan luar negara berbanding hanya 90 pemamer pada tahun 2010 dengan penyertaan syarikat halal antarabangsa dari United Kingdom, USA, Netherlands, Belgium, Turki, Morocco, Timur Tengah, Pakistan, Indonesia, Singapura, Thailand, China, Korea dan Jepun bersama pelbagai program pembangunan usahawan dalam usaha membangun dan memperkembangkan industri halal tempatan ke persada global. IMT-GT telah mengiktirafkan PIHEC sebagai salah satu acara pameran perdagangan antarabangsa halal setanding pameran antarabangsa yang lain seperti Malaysia Halal International Showcase (MIHAS).

Selain mengukuhkan peranan di rantau ASEAN dalam industri halal, Halal Penang meneruskan usahanya untuk memartabatkan lagi kedudukan Pulau Pinang di peringkat halal global dengan membangunkan rangkaian dan mewujudkan jaringan perdagangan dua hala dengan negara-negara luar seperti Australia Selatan, Korea Selatan, Pakistan, Netherlands, United Kingdom, China, Turki, Jepun dan New Zealand. Halal Penang turut mempromosikan Pulau Pinang sebagai Pusat Halal Global melalui penyertaan dalam pameran perdagangan antarabangsa seperti Arab Travel Mart di Dubai, International Halal Conference & Exhibition di Lahore dan LOHAS Exhibition Expo, Korea.



LOHAS Exhibition Expo, Korea



> World Seafood Congress

Pada bulan September 2017, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyertai acara World Seafood Congress (WSC) 2017 yang diadakan di Iceland bagi tujuan pembidaan menjadikan Pulau Pinang sebagai tuan rumah bagi acara WSC 2019. Hasilnya, Pulau Pinang telah dipilih sebagai destinasi Asia pertama dalam sejarah untuk menjadi tuan rumah bagi penganjuran acara WSC 2019 mengatasi pembida-pembida lain dari negara Thailand, China dan Jepun. Hasrat Kerajaan Negeri untuk membida acara WSC ini tercetus susulan daripada penyertaan Kerajaan Negeri dalam misi perdagangan di United Kingdom apabila Kerajaan Negeri telah dijemput oleh Grimsby Institute untuk menyertai WSC 2015 di Grimsby, United Kingdom. Perjanjian persefahaman (MOU) juga telah ditandatangani bersama Grimsby Institute bagi membangunkan latihan kemahiran dalam pembangunan industri perikanan dan seterusnya menjadikan produk marin sebagai alternatif *ingredient* dalam industri halal. Selain itu, Humber Local Enterprise Partnership dan North East Lincolnshire Council turut menjalinkan kerjasama dengan Halal Penang bagi membangunkan Taman Perindustrian Halal di Europarc, Grimsby.

Bagi membangunkan sektor pelancongan halal, Halal Penang dengan kerjasama Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) telah membangunkan aplikasi Muslim Travel Guide (MTG) digital. Penggunaan aplikasi ini sejajar dengan peredaran masa bagi memudahkan para pelancong tempatan dan antarabangsa mengakses lokasi dan informasi berkenaan makanan halal, hotel mesra Muslim, produk pelancongan Muslim serta fasiliti seperti masjid dan lain-lain. Aplikasi ini telah dilancarkan oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan bersempena Arab Travel Mart (ATM) yang berlangsung di Dubai pada 24-27 April 2017.

Selain itu, Halal Penang sedang bekerjasama dengan Islamic Tourism Centre, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia serta International Institute for Halal Research and Training, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia untuk mengiktiraf pemandu pelancong bagi menawarkan perkhidmatan dan produk pelancongan Muslim di negeri ini ke arah memperkasakan sektor pelancongan Islam di Pulau Pinang. Segala perancangan dan usaha demikian jelas terbukti ke arah memartabatkan Pulau Pinang sebagai Pusat Halal Global.

### PDC Telecommunication Services Sdn Bhd (PDC Telco)

PDC Telco merupakan salah sebuah anak syarikat milikan penuh PDC Premier Holdings Sdn Bhd yang telah dipertanggungjawabkan sebagai penggerak utama bagi industri telekomunikasi di negeri Pulau Pinang.

Visi PDC Telco adalah '*Making Penang a Smart City with a Digitally-Connected Community*' dan Misi adalah '*Integrating Data to Future-Proof Tomorrow*'. Sehingga akhir tahun 2017, PDC Telco telah berjaya membina dan memiliki banyak tapak struktur telekomunikasi seperti struktur menara kekal, *Portable Based Transceiver Structure (PBTS)* dan rangkaian *Fiber Optic*. Kebanyakan syarikat telekomunikasi utama adalah rakan kongsi teknologi dengan PDC Telco.

Pada 1 Oktober 2017, PDC Telco telah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif baru, Encik Tang Ching Siang bagi menggantikan Ir. Yeoh Lean Huat yang telah kembali bertugas di PDC. Kini, PDC Telco telah bersedia untuk bergerak ke arah pertumbuhan yang lebih proaktif dalam industri telekomunikasi di Pulau Pinang.



> Menara Telekomunikasi PDC Telco



Pada tahun 2017, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah meluluskan permohonan lesen *Network Services Provider (NSP)* kepada PDC Telco. Tempoh sah lesen tersebut adalah mulai dari 16 Jun 2017 sehingga 15 Jun 2027 iaitu bagi tempoh 10 tahun. Dengan kelulusan lesen tersebut, ia memberikan peluang kepada PDC Telco bagi mengembangkan dan meluaskan peluang perniagaan dari segi penyediaan perkhidmatan industri telekomunikasi di Pulau Pinang. Pada 16 Jun 2017 juga, SKMM telah memberikan kelulusan kepada perubahan syarat pada lesen *Network Facilities Provider (NFP)* di klausa 4.1 di mana PDC Telco boleh mengembangkan perniagaan ke seluruh Malaysia dan tidak dihadkan di Pulau Pinang sahaja.

PDC Telco juga menjalankan fungsi sebagai *One Stop Agency* untuk kerja-kerja pengorekan yang berkaitan dengan sistem telekomunikasi di negeri Pulau Pinang dan pada tahun 2017, sebanyak 285 permohonan telah diterima.

Pada 3 – 7 Disember 2017, PDC Telco telah dijemput oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyertai delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Lawatan Kerja Perkongsian Inisiatif Bandar Pintar di Shenzhen, China. Lawatan tersebut bertujuan untuk mengenalpasti amalan-amalan terbaik mengenai inisiatif Bandar Pintar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Tempatan Shenzhen, China dan Syarikat Huawei seluruh dunia. Lawatan ini dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Selangor.

Dengan melangkah ke hadapan, PDC Telco akan menyedia, membantu dan menyokong dalam memberikan perkhidmatan kepada Kerajaan Tempatan, awam dan perindustrian untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar dengan penyediaan sambungan *fiber* untuk kelajuan yang lebih pantas dan meningkatkan mutu teknologi baharu, meningkatkan liputan selular di negeri ini dengan menggunakan lebih banyak menara dan meningkatkan reka bentuk *Camouflage*.

PDC Telco akan bekerjasama dengan SKMM dan Kerajaan Tempatan untuk menubuh dan melaksanakan kesemua dasar dan peraturan untuk mencapai keseragaman perindustrian di Pulau Pinang.

### Penang Global Tourism (PGT)

Pada tahun 2017, Penang Global Tourism meneruskan usaha dalam mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan antarabangsa dengan menganjurkan dan menyertai jelajah *tradeshows* dan pameran-pameran pelancongan di luar negara seperti *South Asia's Leading Travel Show (SATTE)*, *World Travel Mart (WTM)*, *ITB Berlin*, *Arabian Travel Market Dubai*, *JATA Japan* dan *Shanghai World Travel Fair* melalui kerjasama erat dengan pejabat-pejabat Tourism Malaysia di dalam dan luar negara. Selain itu, *tradeshows* juga diadakan di bawah pavilion Pulau Pinang seperti *Thailand International Travel Fair*, *International Travel EXPO Hong Kong*, *International Travel Expo Ho Chi Minh City*, *HanaTour International Travel Fair* di Korea serta *Internationale Tourismus-Borse (ITB) Asia* di Singapura. PGT juga telah menerima sebanyak 84 kumpulan *familiarisation trips* yang terdiri daripada *blogger*, agen-agen pelancongan dan media dari dalam dan luar negara.



➤ Arabian Travel Market

Beberapa laluan penerbangan ke Pulau Pinang juga telah dimulakan pada tahun 2017 iaitu Singapura dan Hatyai oleh Malindo Air dan Kunming oleh Lucky Air. Kekerapan penerbangan juga menambah untuk destinasi seperti Singapura (91 kali ke 98 kali), Surabaya (3 kali ke 5 kali), Taipei (4 kali ke 5 kali), Bangkok (14 kali ke 24 kali) dan Ho Chi Minh (4 kali ke 7 kali). Malindo Air juga telah mengadakan penerbangan *Scheduled Charter Flights* dari negara China seperti Sanya, Wuhan, Kunming dan Haikou ke Pulau Pinang. Trafik penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang juga telah mencapai jumlah 7.23 juta pada tahun 2017. Perkembangan sebanyak 8.19% telah direkodkan berbanding dengan tempoh masa yang sama pada tahun 2016.



Untuk menarik pelancong-pelancong ke Pulau Pinang, PGT telah meneruskan kempen taktikal untuk tahun 2017. Dua trem ikonik yang telah dihiaskan dengan daya tarikan Pulau Pinang telah dilancarkan selama 20 minggu di Hong Kong. Selain itu, 5 buah bas *Double-Decker* juga digunakan selama 12 minggu di Singapura untuk mempromosikan Pulau Pinang. Promosi tersebut juga disokong oleh pengiklanan di radio YES 933 selama 1 minggu secara pertandingan *On Air*. Untuk menarik pelancong-pelancong domestik dan mempromosikan tempat-tempat yang menarik yang terbaru di Pulau Pinang, PGT telah melaksanakan kempen rombongan beca di 6 negeri di Malaysia iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sabah dan Sarawak.



> Bas *Double-Decker* Hong Kong

PGT juga akan terus menyokong dan mempromosikan acara-acara dan perayaan-perayaan di seluruh Pulau Pinang melalui saluran-saluran media PGT seperti papan iklan, media sosial, bas-bas dan brosur-brosur yang diedarkan di seluruh Pulau Pinang. Selain itu, demi mempromosikan pelancongan, video promosi '*Here & Now*' juga telah dihasilkan dengan menumpukan tempat-tempat tarikan yang terkini di Pulau Pinang. Untuk lebih menumpu kepada pasaran negara China, platform media sosial terbaru seperti *Weibo*, *Youku* dan *WeChat* telah digunakan untuk menjalankan promosi yang lebih efektif. Brosur juga telah diterjemahkan kepada bahasa Cina untuk pasaran negara China.



> Tayangan *Despicable Me 3* di Padang Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth



> *Penang International Food Festival*

Sempena Tahun Melawat Pulau Pinang 2017, PGT telah menganjurkan pelbagai acara bertaraf antarabangsa seperti Pesta Belon Udara Panas Pulau Pinang yang ke-3, *Penang International Food Festival* – PIFF yang pertama, *Penang Street Food Festival* sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-60 dan *Penang Anime Matsuri* buat kali ketiga di Pulau Pinang. Selain itu, bagi tujuan menggalakkan pelancongan domestik serta mempromosikan kawasan Seberang Perai, semasa perayaan Hari Raya Aidilfitri, PGT telah bekerjasama dengan pihak MPSP untuk mengadakan pameran *Despicable Me 3* di Padang Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth.

Mengenai sektor Pelancongan Pelayaran, PGT telah menyokong sejumlah 94 majlis sambutan untuk kapal-kapal pelayaran seperti *Costa Victoria*, *Ovation of the Seas*, *Mariner of the Seas*, *Queen Mary*, *Sapphire Princess*, *Aurora*, *AIDA Bella* dan ketibaan sulung bagi kapal-kapal seperti *Majestic Princess* dan *Genting Dream*. Ketibaan kapal-kapal pelayaran antarabangsa di Port Swettenham telah menambah sebanyak 88.19% kepada 271 buah kapal pelayaran berbanding dengan 144 buah kapal pelayaran dalam tempoh sama tahun lalu. PGT juga ingin merekodkan bahawa Port Swettenham kini merupakan *Port of Call* yang utama di Malaysia dan *Port of Call* yang kelima di Asia.



> Maskot *Despicable Me 3* bersama YAB Ketua Menteri



> Curtis Crest Tree Top Walk - The Habitat, Penang Hill

Pulau Pinang juga telah berjaya merekodkan peningkatan sebanyak 10.10% dalam jumlah pelancong perubatan dan mencapai sebanyak 382,164 pelancong perubatan pada tahun 2017. Manakala, pendapatan dalam pelancongan perubatan juga meningkatkan sebanyak 20% ke RM550,274,088 dalam tahun 2017.

Dengan kejayaan kempen pemasaran yang dijalankan selama ini, Pulau Pinang telah berjaya dikenali sebagai destinasi pelancongan popular oleh beberapa penerbitan antarabangsa pada tahun 2017 seperti berikut:-

- *Channel News Network (CNN)* telah menyenaraikan Pulau Pinang sebagai salah satu dari 17 lokasi terbaik di dunia sebagai destinasi yang perlu dilawati bagi tahun 2017
- *Traveller Australia* juga telah menyenaraikan Persiaran Gurney sebagai salah satu daripada '25 Best Streets Around the World for Tourists'
- Pulau Pinang juga telah diiktiraf oleh *International Living* sebagai 'Malaysia (namely Penang) as the 4 Countries With The Best Healthcare In The World (2017)'
- Pulau Pinang juga disenaraikan sebagai salah satu daripada '10 Amazing Asian Vacations That Won't Cost a Fortune' oleh *Time.com*
- George Town merupakan satu-satunya destinasi Asia yang disenaraikan dalam buku *Lonely Planet* bertajuk 'Street Art'
- Line Clear Nasi Kandar dan Siam Road Char Koay Teow diiktirafkan antara makanan paling sedap di dunia apabila restoran tersebut disenaraikan dalam 50 terbaik di dunia semasa *The World Street Food Congress 2017*
- *CNN* telah menyenaraikan asam laksa Pulau Pinang di tempat ketujuh daripada 50 hidangan terbaik di dunia.



> Penang Wall Mural



> Asam Laksa Pulau Pinang



## PEMBANGUNAN USAHAHAN

---



## Pembangunan Usahawan

Dalam tahun yang dikaji, PDC meneruskan peranannya dalam menyokong dan menyumbang usaha ke arah membimbing dan membantu golongan usahawan melalui pelaksanaan program-program keusahawanan di samping menawarkan modal tambahan mikro kredit kepada usahawan di negeri Pulau Pinang.

### 1. Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang

Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang adalah program Kerajaan Negeri bersama PDC untuk membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan. Melalui modal tambahan ini, peniaga-peniaga kecil dapat mengembangkan perniagaan mereka serta meningkatkan taraf hidup dan pendapatan isi rumah mereka. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Pinjaman PTSR ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM1,000 hingga maksima RM20,000. Tempoh bayaran balik antara 1 hingga 2 tahun. Keseluruhan pinjaman yang telah dikeluarkan berjumlah RM13.4 juta yang mana telah diluluskan kepada 2,805 peminjam di semua daerah di Pulau Pinang.



> Majlis Anugerah Usahawan PTSR

Bagi tahun 2017, sebanyak 27 program promosi telah diadakan kepada pemohon sekitar Pulau Pinang. Sepanjang tempoh tahun 2017, 322 peminjam telah menerima manfaat dari pinjaman ini dengan jumlah keseluruhan pinjaman yang telah diagihkan bernilai RM2.15 juta.

### 2. Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang

Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk memberi dorongan kepada golongan muda dan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya yang berpotensi menjana pendapatan yang lumayan. PDC bertindak sebagai agen Kerajaan Negeri, sebagai pemberi pinjaman, pengutip pinjaman dan pentadbir TUTM. Permohonan bantuan pinjaman TUTM dibuat melalui jabatan pengelola yang terdiri daripada Jabatan Pertanian, Perikanan dan Veterinar Negeri Pulau Pinang. Jabatan pengelola berperanan menilai permohonan yang diterima untuk mengenalpasti pemohon yang layak diberi bantuan.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dana sebanyak RM750,000 kepada PDC untuk pelaksanaan TUTM dan sebanyak RM430,000 telahpun dikeluarkan kepada 84 peminjam.



> Majlis Penyampaian Cek Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM)



### 3. Program Tunas Niaga (PROTUNE)

PDC meneruskan pelaksanaan Program Tunas Niaga (PROTUNE) iaitu pengurusan keusahawanan remaja sekolah menengah untuk memupuk dan membentuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar sekolah. PROTUNE merupakan program pembudayaan yang diselenggarakan oleh PDC semenjak tahun 1998 lagi, telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Pulau Pinang dan Universiti Sains Malaysia melalui pembiayaan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Pada tahun 2017 lebih 950 pelajar dari 38 buah sekolah menengah terlibat dalam program ini. Program yang dilaksanakan termasuk:-

- Taklimat dan Bimbingan PROTUNE kepada Pengetua dan Guru Pembimbing
- Kursus Asas Keusahawanan untuk Pengurus-pengurus PROTUNE
- Kem PROTUNE
- Ekspo Jualan PROTUNE
- Lawatan Pertandingan Amalan 5S Kiosk PROTUNE
- Bengkel Pembubaran Syarikat dan Penyediaan Laporan Tahunan Syarikat
- Bengkel Kemahiran Persembahan Untuk Pembentangan Laporan Tahunan Syarikat
- Konvensyen PROTUNE ke-20 Peringkat Saringan
- Konvensyen PROTUNE ke-19 Peringkat Akhir Negeri Pulau Pinang



Program memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan sekolah

### 4. Pembudayaan dan Latihan Keusahawanan

Bagi memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri keusahawanan supaya dapat melahirkan usahawan yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan, PDC juga telah melaksanakan program pembudayaan dan latihan keusahawanan kepada usahawan di bawah bimbingan PDC. Pada tahun 2017, PDC telah menyelaras 3 program latihan keusahawanan kepada usahawan bimbingan PDC. Seramai 175 orang usahawan telah mendapat manfaat daripada program pembudayaan dan latihan keusahawanan.



Program Pembudayaan dan Latihan Keusahawanan

### 5. Sekretariat MMK Perdagangan Dalam Negeri Pulau Pinang

PDC juga terlibat dalam membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam merancang, melaksana dan memantau pembangunan aktiviti perdagangan domestik di Pulau Pinang melalui penglibatan sebagai Sekretariat Jawatankuasa MMK Perdagangan Dalam Negeri Pulau Pinang. Antara program yang telah dianjurkan dengan jayanya adalah seperti berikut:-

#### (a) Kalendar Acara Perdagangan 2017

Program ini bertujuan untuk mempromosikan acara perdagangan tahun 2017 sebagai langkah untuk memaju dan mempertingkatkan sektor perdagangan dan perniagaan yang menyumbang kepada peningkatan ekonomi negeri Pulau Pinang. Jumlah acara yang telah berlangsung bagi tahun 2017 adalah sebanyak 216 acara.



> Majlis Pelancaran *Penang Trade Event*

**(b) Ekspo Dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang 2017 (PIHEC 2017)**

PDC juga telah menyelaras penyertaan usahawan dengan mengambil bahagian dalam PIHEC 2017 pada 24-26 Februari 2017 bertempat di SPICE Arena. Sebanyak 9 syarikat IKS di bawah bimbingan PDC telah mengambil bahagian dalam program ini yang merupakan kali ke-8 diadakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**(c) Penang Suoq Ramadan 2017**

Bagi menggiatkan lagi aktiviti perdagangan dan perniagaan di Pulau Pinang, Jawatankuasa MMK Perdagangan Dalam Negeri Pulau Pinang telah meneruskan pelaksanaan Penang Suoq Ramadan 2017 yang telah dilaksanakan sejak tahun 2011. Program yang telah memasuki tahun ke-7 (dari 2011 - 2017) pelaksanaannya telah diadakan pada 27 Mei - 24 Jun 2017. Majlis Pelancaran Suoq Ramadan 2017 telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang pada 19 Mei 2017 di Konkos, Tingkat 3, KOMTAR, Pulau Pinang. Sebanyak 109 buah syarikat dan organisasi telah menyertai program ini.

Program ini merupakan satu konsep penjenamaan di mana semua program dan aktiviti yang dilaksanakan sempena bulan Ramadan dikendalikan secara serentak oleh pihak peniaga, pengusaha dan pedagang Pulau Pinang dengan menggunakan logo dan tema yang sama.

**(d) Seminar Komuniti Ekonomi Asean [Asean Economic Community (AEC)]**

Program ini merupakan program anjuran PDC di bawah Kerajaan Negeri dengan kerjasama Penang Institute. Seminar bertajuk '*Leveraging AEC for Business Opportunities*' telah diadakan pada 26 Oktober 2017 dan disertai oleh pihak-pihak berkepentingan seperti pemain industri, usahawan dan agensi kerajaan sebagai langkah meningkatkan kesedaran terhadap pelaksanaannya di wilayah komuniti Asean.

Objektif seminar ini diadakan untuk memberikan pendedahan serta kesedaran mengenai kepentingan, peluang dan cabaran menjalankan perniagaan di negara-negara ASEAN, memberikan panduan dan pendedahan mengenai insentif yang diberikan untuk menjalankan perniagaan dan pelaburan di negara-negara ASEAN dan memahami tren migrasi di dalam negara-negara ASEAN.



> Seminar *Asean Economic Community (AEC)*



> Majlis Perasmian Pemadanan Perniagaan sempena Medan Fair 2017



> Pavilion Pulau Pinang di Medan Fair 2017

## 6. Penyertaan dalam Pameran dan Misi Perdagangan

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Perdagangan dan Perniagaan meneruskan usaha mempromosikan aktiviti perdagangan secara lebih agresif melalui penyertaan dalam pameran-pameran serta misi perdagangan tempatan dan luar negara. Program ini juga dapat mendedahkan usahawan dalam membina jaringan perdagangan dan pemadanan khususnya di peringkat tempatan dan luar negara. Antara aktiviti-aktiviti yang telah diadakan sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:-

### (a) Pekan Raya Sumatera Utara Kali Ke-46 (Medan Fair 2017)

PDC bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang meneruskan kerjasama dalam Pekan Raya Sumatera Utara kali ke-46 (Medan Fair 2017) yang telah berlangsung pada 17 Mac - 17 April 2017 di Kompleks Pekan Raya, Medan, Indonesia dengan tujuan menjadi forum kepada usahawan-usahawan yang berdaya saing untuk mempromosikan produk dan menembusi pasaran ke luar negara terutama Indonesia. Pada tahun ini sebanyak 10 syarikat IKS telah menyertai program ini di Pavilion Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

### (b) Kelantan-Linxia International Halal Expo 2017 (KELCHEF 2017)

PDC turut menyelaras penyertaan 9 syarikat usahawan Pulau Pinang untuk mengambil bahagian dalam KELCHEF 2017 yang telah diadakan pada 28 Mac - 1 April 2017 di Dataran Astaka, Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan. Program adalah di bawah anjuran Kerajaan Negeri Kelantan.



> Penyertaan usahawan Pulau Pinang dalam KELCHEF 2017

### (c) HALFEST ASEAN 2017

PDC telah menyelaras penyertaan 6 buah syarikat IKS dari Pulau Pinang untuk mengambil bahagian dalam program HALFEST ASEAN 2017 yang berlangsung pada 23 - 27 Ogos 2017 bertempat di Mines International Exhibition And Convention Centre, Seri Kembangan, Selangor.



## KORPORAT

---



## Korporat

Lembaga PDC yang terdiri daripada 12 orang ahli dan dipengerusikan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang telah bermesyuarat sebanyak 6 kali pada tahun 2017.

Sejumlah 20 mesyuarat KPI Task Force telah dijalankan bagi tahun 2017 bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan strategi dan operasi keseluruhan PDC.

### Latihan dan Pembangunan Kakitangan

PDC telah meneruskan usahanya untuk melatih dan melatih semula kakitangan PDC dan anak-anak syarikatnya untuk memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian untuk menghadapi cabaran dan objektif-objektif PDC.

Pada tahun 2017, sebanyak 148 kursus/seminar/bengkel yang merangkumi pelbagai topik dalam bidang-bidang seperti pengurusan, kewangan, teknikal dan teknologi maklumat telah dihadiri oleh kakitangan PDC dan anak-anak syarikat PDC.

PDC juga telah mengambil langkah mengadakan Program Kepimpinan bersiri untuk memantapkan lagi Kumpulan Pengurusannya yang terdiri dari Ketua-ketua Bahagian serta pelapis-pelapis agar dapat menghadapi arus perubahan dan membawa PDC ke tahap yang lebih cemerlang.



Program Majlis Suai Kenal Warga Baru PDC

### Kebajikan Kakitangan

PDC telah menyediakan pelbagai kemudahan dan manfaat untuk kebajikan kakitangannya serta kakitangan anak-anak syarikatnya. Antara kemudahan/manfaat yang disediakan adalah seperti berikut:-

- Kemudahan kesihatan dan perubatan untuk kakitangan dan ahli keluarga terdekat kakitangan
- Perlindungan Insuran Hayat Kelompok (GTL) untuk kakitangan
- Bantuan Kewangan Khas dan Bonus Prestasi
- Insentif kecemerlangan pendidikan untuk anak-anak kakitangan
- Insentif untuk anak-anak kakitangan memasuki program ijazah
- Tabung Kebajikan (RM1,000.00) untuk perbelanjaan permulaan persekolahan
- Anugerah Penghargaan bagi kategori kakitangan yang telah berkhidmat selama 15 tahun dan 25 tahun ke atas

### Program Libat Urus Kakitangan

Menyedari tentang kepentingan penglibatan kakitangan PDC dan anak-anak syarikatnya, PDC telah merancang dan mengadakan program libat urus kakitangan. Antara program yang dianjurkan pada tahun ini adalah seperti berikut:-

- Program PDC & I
- Program Majlis Suai Kenal Warga Baru
- Pesta Buah-Buahan Tempatan PDC
- Perarakan Kawad Merdeka
- Majlis Persaraan
- Majlis Anak-Anak Cemerlang
- Perhimpunan Kakitangan
- Pemberian Kad & Baucar Hari Lahir
- Pemberian hamper kepada kakitangan yang dimasukkan ke hospital dan kepada kakitangan yang memperoleh cahaya mata baru



Kakitangan PDC bersama YAB Ketua Menteri di Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina di PDC



## Pengurusan Kontrak

Bahagian Pengurusan Kontrak (BPK) ditubuhkan bertujuan memastikan obligasi kontrak dan komitmen projek pembangunan PDC dan usahasanya dilaksanakan secara efektif bagi melindungi kepentingan PDC khususnya dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang amnya.

Tugas dan tanggungjawab BPK adalah termasuk memantau risiko-risiko kontrak secara efektif bagi projek *post-contract Request for Proposal (RFP)* serta mengurus obligasi kontrak PDC dan projek usahasanya dengan proaktif.

Di samping itu, BPK juga berperanan sebagai perantara di antara pihak PDC dan pihak berkepentingan PDC, termasuk pemilik projek bagi mengesyorkan resolusi untuk mengurangkan risiko kontrak.

Di antara projek-projek *post contract* di bawah pemantauan BPK pada tahun 2017 adalah:-

- Westlite Dormitory (Penang Juru) Sdn Bhd : *Workers Village*
- Aspen Vision Land Sdn Bhd : *Development at Bandar Cassia (IKEA, Shopping Centre and Mixed Development)*
- Paramount Corporation Bhd : *University College and Mixed Development at Bandar Cassia*
- PE Land Sdn Bhd : *Premium Outlet*
- Zubicon Sdn Bhd : *S P Chelliah Park City*
- Tanjung Villa Development Sdn Bhd : *Sandiland Foreshore*
- Ivory Properties Sdn Bhd : *Bayan Mutiara*

PDC akan terus memantau setiap aspek projek *post contract* bagi memastikan proses pengurusan kontrak dilaksanakan secara berkesan.



➤ Kempen Derma Darah ANSARA yang dirasmikan oleh YB Dr. Afif Bahardin

## Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

PDC sebagai penjana pembangunan negeri sentiasa memainkan peranan penting sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dalam mempertingkatkan kesejahteraan rakyat serta meningkatkan imej organisasi. Pada tahun 2017, PDC telah mengambil pelbagai inisiatif dalam melaksanakan program CSR yang memberi tumpuan kepada kakitangan di tempat kerja, komuniti, kebajikan, alam sekitar, pendidikan dan juga perindustrian.



➤ Program Penanaman Pokok

Antara program-program yang dilaksanakan sepanjang tahun 2017 ialah menyediakan rumah mampu milik bersubsidi untuk rakyat Pulau Pinang, penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam (seperti pembinaan/pelebaran jambatan dan jalan), menjalankan kerja-kerja pengecatan semula dan pembaikan kritikal untuk bangunan perumahan bertingkat dan menghijaukan/memulihara alam sekitar Pulau Pinang melalui projek-projek landskap dan penanaman pokok sebagai tanggungjawab kami terhadap alam sekitar.

